



12 Mac 2013  
12 March 2013  
P.U. (A) 88

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2013

### *INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 9) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2013**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“orang yang layak” ertinya seseorang yang bermastautin di Malaysia yang merupakan—

- (a) suatu bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*];
- (b) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*];
- (c) suatu institusi pembangunan kewangan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
- (d) suatu perniagaan insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*]; atau
- (e) pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*];

“pemaju atau kontraktor penyelamat” ertinya kontraktor atau pemaju yang dilantik atau diluluskan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjalankan kerja pemulihan bagi projek terbengkalai;

“pinjaman” ertinya pinjaman yang diberikan oleh bank atau institusi kewangan untuk membiayai projek terbengkalai;

“projek terbengkalai” ertinya suatu projek yang diperakui oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai projek terbengkalai menurut perenggan 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

### **Pengecualian**

3. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diterima daripada faedah yang berhubung dengan perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat bagi tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut (tahun taksiran yang dikecualikan) bermula dari tahun taksiran pertama yang pendapatan faedah itu terakru oleh orang yang layak itu.

(2) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang tergolong boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu dibuat.

(3) Jika suatu aset yang digunakan bagi maksud perniagaan yang disebut dalam subperenggan (1) juga digunakan bagi maksud suatu perniagaan selain perniagaan itu, maka elaun yang tergolong boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana munasabah dengan mengambil kira takat aset itu digunakan bagi maksud perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat.

(4) Amaun pendapatan berkanun yang diterima daripada faedah berhubung dengan perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat yang dikecualikan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tempoh pengecualian hendaklah ditentukan mengikut cara yang berikut:

- (a) satu ratus peratus daripada pendapatan berkanun;
- (b) amaun pendapatan berkanun yang disebut dalam subsubperenggan (a) hendaklah dikurangkan oleh—
  - (i) pertama, kerugian larasan tahun semasa daripada suatu perniagaan atau perniagaan selain perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat yang dikecualikan di bawah Perintah ini; dan
  - (ii) seterusnya, apa-apa kerugian larasan tidak diserap atau kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat yang dikecualikan di bawah Perintah ini;
- (c) sebanyak mana kerugian larasan yang disebut dalam subsubsubperenggan (b)(i) dan (ii) yang telah digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun bagi perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat untuk suatu tahun taksiran tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta dalam menentukan pendapatan perniagaan selain perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat di bawah Perintah ini; dan
- (d) apa-apa amaun kerugian larasan yang tidak diserap dan kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat yang tidak digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun semasa tempoh

pengecualian yang disebut dalam subsubsubperenggan (b)(ii) tidak boleh tersedia untuk mengurangkan jumlah pendapatan orang yang layak itu.

(5) Walau apa pun subperenggan (4), jika tempoh pengecualian perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat tamat, apa-apa amaun kerugian larasan yang tidak diserap dan kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat yang tidak digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun semasa tempoh pengecualian yang disebut dalam subsubsubperenggan (b)(ii) hendaklah tersedia untuk mengurangkan jumlah pendapatan orang yang layak mengikut subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta dalam tempoh asas berikutan berakhirnya tempoh pengecualian bagi tahun taksiran itu dan mana-mana tahun taksiran berikutnya.

(6) Tertakluk kepada subperenggan (1), permohonan bagi pinjaman itu hendaklah dibuat oleh kontraktor atau pemaju penyelamat pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2015.

(7) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

### **Akaun berasingan**

4. Orang yang layak yang dikecualikan di bawah perenggan 3 hendaklah menyanggarakan akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan memberi pinjaman kepada kontraktor atau pemaju penyelamat bagi setiap tahun taksiran semasa tempoh pengecualian.